



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

LAPORAN

PELAKSANAAN PROGRAM TAHUN 2025

NAMA PROGRAM:

**Taklimat Kesedaran
Integrated Waste Management System
(IWMS) in Sarawak**

**SMARTGREEN POLYCC
POLITEKNIK KUCHING SARAWAK**

LAPORAN PELAKSANAAN PROGRAM

1.	NAMA PENYELARAS	Jawatankuasa Smartgreen Politeknik Kuching Sarawak
2.	NAMA PROGRAM	Taklimat Kesedaran Integrated Waste Management System (IWMS) in Sarawak
3.	TARIKH	21 April 2025
4.	TEMPOH	8.30 pagi – 5.00 petang
5.	TEMPAT	Dewan Jubli Perak, Politeknik Kuching Sarawak
6.	KUMPULAN SASARAN	Terbuka
7.	PENCERAMAH	Encik Geoji Jusua (Division Manager) - Trienekenss
8.	PENGENALAN PROGRAM	Ceramah kesedaran bertajuk “Towards Sustainable Waste Management” telah dilaksanakan bersempena Sambutan Hari Bumi 2025 sebagai salah satu pengisian program untuk meningkatkan kesedaran mengenai pentingnya penjagaan alam sekitar. Ceramah ini bertujuan memberi pendedahan dan kefahaman yang lebih mendalam kepada peserta mengenai jenis-jenis sisa buangan, kesan pencemaran terhadap alam sekitar, serta peranan pengurusan sisa yang lestari ke arah kelangsungan hidup dan pembangunan mampan. Penerapan kesedaran ini turut berkait langsung dengan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127) dan peraturan-peraturan di bawahnya, menjadikan peserta lebih celik terhadap tanggungjawab perundangan dalam menjaga alam sekitar secara sistematik dan beretika.
9.	OBJEKTIF PROGRAM	1. Memberi kefahaman asas kepada peserta tentang punca dan kesan perubahan iklim. 2. Memberi kesedaran belia tentang peranan mereka dalam mengurangkan kesan perubahan iklim dan menyesuaikan diri dengan perubahan iklim melalui amalan dan gaya hidup yang lestari.. 3. Menggalakkan inisiatif sendiri seperti pengurangan penggunaan tenaga dan pengurusan sisa secara beretika dan mengikut garis panduan perundangan alam sekitar. 4. Memupuk semangat tanggungjawab terhadap alam sekitar yang berteraskan pemahaman terhadap undang-undang seperti Akta 127 dan Peraturan Buangan Terjadual 2005.
10.	OUTCOME PROGRAM	1. Peserta lebih memahami kaitan antara aktiviti manusia seperti pembakaran bahan api fosil, penebangan hutan dan pencemaran dengan perubahan iklim.

		2. Kesedaran tentang kesan perubahan iklim seperti cuaca ekstrem, pencairan ais, kepupusan spesies dan kesan kesihatan semakin meningkat. 3. Peserta tahu peranan mereka sebagai agen perubahan dan berpotensi memimpin inisiatif hijau di kampus dan komuniti. 4. Pembudayaan sikap prihatin terhadap alam sekitar dalam kalangan peserta.
11.	KERJASAMA STRATEGIK	Trienekens (Sarawak) Sdn. Bhd. dan Politeknik Kuching Sarawak
12.	ELEMEN SUSTAINABILITY (SDG)	Aktiviti ini menyumbang secara langsung kepada beberapa Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs), antaranya: 1. SDG 12: Penggunaan dan Pengeluaran Bertanggungjawab Melalui kempen 3R, <i>plastic upcycling</i>, dan pengasingan sisa, peserta diajar mengurus sumber dengan cekap dan mengurangkan pembaziran. Inisiatif seperti pengumpulan e-waste membantu mengelakkan pencemaran dan membolehkan pemulihan bahan berharga. 2. SDG 13: Tindakan Terhadap Perubahan Iklim Pengurusan sisa secara selamat, seperti tapak pelupusan sanitari dan pengurangan plastik, mengurangkan pelepasan gas rumah hijau. Peserta disedarkan tentang kaitan antara gaya hidup dan impak terhadap iklim. 3. SDG 14 & 15: Pemeliharaan Ekosistem Marin & Daratan Pembuangan sisa plastik ke laut menyebabkan kematian hidupan marin. Visual seperti burung laut mati dan penyu terperangkap dalam sisa dijadikan alat kesedaran. Pengasingan dan kitar semula sisa penting untuk lindungi biodiversiti. 4. SDG 17: Kerjasama untuk Mencapai Matlamat Program ini hasil kolaborasi antara Politeknik, Trienekens, DOE dan komuniti. Jaringan ini membina sinergi antara pendidikan, industri dan agensi awam ke arah kelestarian bersama.
13.	KOS	Tidak Berkenaan
14.	IMPAK SOSIAL/ALAM SEKITAR/EKONOMI (SDGs)	1. Sosial: Mewujudkan komuniti yang lebih peka terhadap isu alam sekitar serta mendorong perubahan tingkah laku dan pembudayaan amalan lestari. 2. Alam Sekitar: Melalui amalan seperti 3R, pengasingan sisa dan

		pelupusan berjadual, peserta didedahkan kepada kepentingan menjaga alam sekitar secara menyeluruh berdasarkan standard dan akta sedia ada seperti Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Ini memberi nilai tambah dari aspek tindakan berasaskan pematuhan undang-undang. 3. Ekonomi: Potensi penjimatan kos operasi melalui amalan kitar semula dan pengurangan sisa. Ianya juga dapat memberi peluang untuk menjana ekonomi melalui aktiviti upcycling plastik dan reka cipta produk kitar semula.
15. GAMBAR PROGRAM		Seperti Lampiran 1
16. ULASAN LAPORAN		Program "Towards Sustainable Waste Management" berjaya meningkatkan kesedaran peserta tentang kepentingan pengurusan sisa yang mampan melalui perkongsian industri oleh Trienekens. Penerapan elemen praktikal seperti <i>upcycling</i>, pengasingan sisa dan pengumpulan e-waste menjadikan peserta lebih peka terhadap isu alam sekitar serta peranan mereka dalam menyokong Matlamat Pembangunan Mampan (SDG). Program seperti ini membuka peluang untuk pembelajaran berasaskan pengalaman sebenar dan pembangunan komuniti lestari. Program ini wajar diteruskan dan diperluaskan kerana mampu membina budaya hijau dan tindakan bertanggungjawab dalam kalangan generasi muda. Tambahan pula, program ini turut memberi nilai tambah dari aspek kesedaran perundangan alam sekitar dalam kalangan peserta. Penerapan pengetahuan berkenaan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan peraturan berkaitan buangan terjadual memberi kefahaman jelas tentang keperluan pematuhan undang-undang dalam pengurusan sisa. Ini amat penting khususnya bagi generasi muda yang bakal menjadi tenaga kerja dan pembuat dasar masa depan, agar mereka bukan sahaja berilmu tetapi juga celik undang-undang dalam melaksanakan tindakan lestari.

Laporan bergambar sekitar Taklimat Kesedaran Integrated Waste Management System (IWMS) in Sarawak



Disediakan oleh:


HASINDA BINTI JAMA'IN
(Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi
Jabatan Pengajian Am
Politeknik Kuching, Sarawak)

Tarikh: 28 04 2025

Disahkan oleh:


MOHD NEZUAN BIN OTHMAN
..... Timbalan Pengarah (Sokongan Akademik)
(Politeknik Kuching, Sarawak

Tarikh: 28 04 25